

Bawa orang2 PAS ke jalan yang benar

# DR. M MAHU AHLI2 UMNO BERUSAHA UM 5 APR 1986 CARA YANG BAIK

**KUALA TERENGGANU 5 April** — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu ahli-ahli UMNO berusaha dengan cara yang baik bagi membawa ahli-ahli PAS ke jalan yang benar supaya mereka tidak sesat. Presiden UMNO itu berkata, "ahli-ahli PAS ini seperti orang buta dan mereka hanya mengikut sahaja. Adalah menjadi tanggungjawab kita yang celik ini untuk membawa mereka ke jalan yang benar."

"Kita patut terang kepada pengikut Haji Hadi bahawa amanat Haji Hadi tidak betul. Hanya kita boleh membawa mereka ke jalan yang benar."

Berucap di majlis perjumpaan dengan para pemimpin parti komponen Barisan Nasional negeri di Stadium Negeri di sini petang ini, beliau melahirkan rasa hairan kenapa ada orang yang sanggup ikut parti PAS. Menurutnya Haji Hadi pandai agama tetapi telah menyalahgunakan agama untuk kepentingan politik "dan kalau orang jahat suruh kita berbuat baik, kita mesti ikut tetapi kalau orang baik suruh kita buat jahat, kita mesti menolak." Serentak dengan itu, beliau memberitahu telah

ada cakap-cakap yang mengatakan dalam pilihanraya akan datang, kerajaan negeri akan diberikan kepada PAS dan Kerajaan Pusat kepada Barisan Nasional. Alasan yang dibuat kepada cakap-cakap ini ialah sekiranya Barisan Nasional diberi banyak kuasa, akan berbuat sesuka hati.

Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan bahawa cakap-cakap seperti ini adalah amat berbahaya kerana tiada siapa yang tahu siapa akan dapat banyak undi.

Kalau berlaku perkara seperti ini, tambahnya, akan membawa kesan yang buruk kepada negara.

Perdana Menteri percaya sekiranya PAS memerintah,

mereka akan melakukan sesuka hati kerana sehingga ini parti itu tidak mempunyai sebarang program untuk kebaikan. Dahulu, katanya sebelum PAS ada, orang Melayu amat bersatu padu dan bekerjasama sehingga dapat mematahkan rancangan kerajaan British untuk menubuhkan Malayan Union.

Tetapi bila datang PAS, tambahnya, perpecahan berlaku. Timbul soal kafir mengkafir dan berbagai lagi isu.

Perdana Menteri menegaskan bahawa PAS hanya membawa keburukan dan kekotoran kepada masyarakat Melayu.

Beliau menegaskan "UMNO tidak mahu begini. biar politik kita berbeza tetapi jangan sampai membiarkan keadaan buruk berlaku kepada masyarakat kita."

Datuk Sri Dr. Mahathir kemudiannya menceritakan kisah PAS semasa menjadi anggota komponen Barisan Nasional dan sebab-sebab parti itu disingkir. Menurutnya, Barisan Nasional menerima PAS menjadi anggota kerana kerajaan tidak tamak tetapi PAS tidak berpegang kepada prinsip Barisan.

Semasa dalam kerajaan, tambahnya, tumpuan PAS bukan kepada kerjasama tetapi menggunakan kuasa untuk membesarkan parti mereka dan itu sebabnya dalam FELDA, ramai ahli parti lawan.

Apabila berlaku peristiwa Kelantan, PAS cuba singkirkan Datuk Haji Mohd. Nasir yang berusaha mengadakan pentadbiran yang jujur dan setelah berlaku pertelingkahan Parti Berjasa ditubuhkan. Setelah Parti Berjasa ditubuhkan PAS masih

berada dalam Barisan Nasional tetapi kemudiannya PAS disingkir.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan, "kita tidak mempunyai niat untuk menyingkir parti yang mewakili orang Melayu. Tetapi kita terpaksa menyingkir kerana sikapnya."

"Setelah keluar dari Barisan, parti itu kalah teruk dalam pilihanraya di Kelantan," jelasnya. Beliau menjelaskan bahawa PAS percaya boleh bergantung kepada undi dari satu kaum sahaja dan parti itu melakukan berbagai perkara untuk membolot undi.

Sekarang PAS sedar caranya salah dan itu sebabnya cuba bekerjasama dengan orang bukan Islam walaupun dulu parti itu berkata UMNO kafir kerana bekerjasama dengan bukan Islam.

Sekiranya benar tafsiran PAS bahawa UMNO parti kafir kerana bekerjasama dengan bukan Islam, tegas Perdana Menteri.

"Inilah balasan Tuhan kepada orang yang tidak amanah, dulu dia kata pada kita dan sekarang dia pula yang terkena," jelasnya.